



UTeM

اونیورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PERATURAN

**MEMBANGUN LAMAN WEB
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PERATURAN MEMBANGUN LAMAN WEB DI UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA**

**SUSUNAN
PERATURAN**

Peraturan

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Skop
4. Pembangunan Laman Web
5. Lain-Lain

PERATURAN MEMBANGUN LAMAN WEB DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Peraturan ini bertujuan untuk menyelaraskan dan mengawasi pembangunan laman web yang dibangunkan oleh pengguna agar bersesuaian sepertimana yang dikehendaki oleh UTeM.

2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"domain" ertinya alamat yang akan digunakan untuk mencapai laman web.

"harta intelek" ertinya hasil kreativiti mana-mana individu atau entiti yang merangkumi pelbagai perkara seperti karya muzik, sastera dan seni; rekacipta; dan simbol, nama, imej dan reka bentuk yang digunakan dalam perniagaan termasuk hak cipta, cap dagangan, paten dan hak-hak lain yang berkaitan dan ditadbir di bawah undang-undang yang berkuat kuasa;

"pembangun" ertinya pengguna yang bertanggungjawab membangunkan laman web;

"pemilik" ertinya Ketua PTj dan pengerusi persatuan/program;

"penyelaras" ertinya staf yang dilantik oleh PPPK dan bertanggungjawab terhadap kandungan laman web yang menggunakan *domain* UTeM;

"pengguna" ertinya:-

- a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman; dan
- b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif.

"Peraturan" ertinya Peraturan Membangun Laman Web Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

"PPPK" ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi UTeM;

"PTj" ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Fakulti/Institut/Pusat atau apa-apa jua nama ia disebut; dan

"UTeM" bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- b) Pada bila-bila masa Peraturan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Peraturan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.

- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Peraturan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Peraturan ini.

3.0 SKOP

Peraturan ini melibatkan semua pembangunan laman web di UTeM, sama ada dibangunkan secara berpusat oleh PPPK atau dibangunkan sendiri oleh pembangun atau penyelaras laman web PTj (*webmaster*) menggunakan *domain* UTeM.

4.0 PEMBANGUNAN LAMAN WEB

Pembangun atau penyelaras laman web PTj hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-

- a) Semua laman web yang dibangunkan oleh pembangun hendaklah dimaklumkan kepada PPPK dengan memajukan permohonan rasmi kepada Pengarah PPPK melalui pemilik laman web.
- b) Pengguna hendaklah membangun laman web PTj, persatuan atau seumpamanya menggunakan *domain* UTeM.
- c) Pemilik dan penyelaras laman web bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kandungan, maklumat dan keselamatan di laman web masing-masing.

- d) Pemilik dan penyelaras laman web hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan dan keselamatan laman web jika menggunakan *domain* selain dari yang disediakan oleh PPPK.
- e) Laman web PTj hendaklah mempunyai hubungan (*link*) dengan laman web rasmi UTeM. PPPK atas nasihat daripada Jawatankuasa Laman Web Universiti berhak menyekat laman web PTj atas kepentingan UTeM sehingga memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. PPPK juga berhak menentukan perisian pembangunan laman web bagi tujuan pengoptimuman penggunaan dan keselamatan.
- f) Laman web peribadi yang berbentuk ilmiah adalah dibenarkan tetapi hendaklah mendapat kelulusan PPPK. Pihak UTeM tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kandungan dan penyalahgunaan harta intelek yang dilakukan oleh pengguna. PPPK berhak menutup laman web ini jika berlaku penyalahgunaan harta intelek oleh pengguna.
- g) Kandungan laman web mesti dipersembahkan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau kedua-duanya sekali. Tambahan penggunaan bahasa lain adalah digalakkan.
- h) Kandungan laman web tidak boleh mengandungi sebarang maklumat yang menyalahi dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, peraturan, dan undang-undang. Ini termasuk dan tidak terhad kepada maklumat berbentuk keganasan, lucah, hasutan dan yang boleh menimbulkan atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian.

5.0 LAIN-LAIN

5.1 Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Peraturan ini boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan di bawah:-

- a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
- b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya; atau
- c) mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

5.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, peraturan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang berkuat kuasa.

5.3 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.